

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 06 Tahun 2018

PEMANTAUAN DAN PELAPORAN ANALISIS PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keperluan hasil analisa pencapaian petunjuk prestasi Pusat tanggungjawab (PTJ) di seluruh sistem Universiti Teknologi MARA dibincangkan dan dilaporkan di dalam mesyuarat tertinggi Pusat tanggungjawab (PTJ).

2. DEFINASI

"PTJ" bermaksud Pusat Tanggungjawab merujuk kepada semua kampus cawangan, semua fakulti, semua jabatan/bahagian/unit di Uiversiti Teknologi MARA

"CSPI" bermaksud *Centre for Strategic Planning and Information*

"Mesyuarat Pengurusan Tertinggi" bermaksud mesyuarat yang paling utama di Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dikenali sebagai Mesyuarat Pengurusan Eksekutif atau Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif atau dengan apa-apa nama yang memainkan peranan sebagai pembuat dan perancang keputusan utama di Pusat Tanggungjawab (PTJ)

"Akta 173" bermaksud Akta Universiti Teknologi MARA 1976

3. LATAR BELAKANG

Naib Canselor berdasarkan kepada Akta 173 " *Section 24(6) The Vice-Chancellor shall, subject to the provisions of this Act and of the rules and other subsidiary legislation made under this Act, exercise general supervision over the arrangements for education, instruction, training, finance, administration, welfare and discipline in the Universiti, and may exercise such other powers as may be conferred upon him by this Act and any rules and other subsidiary legislation made thereunder*" dan selaku eksekutif tertinggi di Universiti Teknologi MARA, Naib Canselor bertanggungjawab dalam merencanakan perancangan strategik bagi universiti melalui semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan diselia oleh Pusat Sistem Maklumat Bersepadu atau lebih dikenali sebagai CSPI.

Perancangan Strategik universiti yang telah dirangka merupakan inisiatif yang berkait rapat dengan inisiatif-inisiatif perancangan Pendidikan Tinggi Malaysia yang telah dirangka oleh Kerajaan Malaysia melalui kementerian yang berkenaan. Sehubungan itu, bagi memastikan semua proses pengurusan perancangan strategik Universiti Teknologi MARA dapat dijalankan dan dilaporkan kepada pemegang taruh yang berkenaan universiti adalah bertanggungjawab untuk memastikan kaedah pelaporan yang komprehensif perlu dijalankan oleh semua **Pusat tanggungjawab (PTJ)** di Universiti Teknologi MARA.

Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Universiti Teknologi MARA adalah penggerak kepada agenda serta inisiatif-inisiatif berkaitan dengan perancangan strategik yang telah dirancang atau diputuskan oleh Lembaga Pengarah Univesiti (LPU) atau majlis/jawatankuasa yang berada di peringkat strategik yang berperanan untuk menggubal dasar, matlamat dan memantau prestasi serta terlibat dengan membuat keputusan penting universiti berdasarkan peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Akta 173. Sehubungan itu, peranan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam membantu Pengurusan Eksekutif Universiti Teknologi MARA dalam hal ehwal perancangan strategik perlu diperkasakan dari masa ke semasa.

4. KETETAPAN KAEDAH PELAPORAN

Mesyuarat Jawatankuasa Transformasi Universiti Teknologi MARA Bil 2/2018 pada 28 Mei 2018 mendapati terdapat kekurangan dalam proses kaedah pelaporan Perancangan Strategik oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan ianya perlu diatasi dengan kadar segera. Oleh itu, bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dan pengurusan Perancangan Strategik Universiti Teknologi MARA sentiasa berada dalam keadaan cekap serta berkesan beberapa ketetapan telah diputuskan dan **HENDAKLAH** dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti butiran di bawah:


- a. Hal ehwal berkenaan pemantau dan pelaporan analisa pencapaian petunjuk prestasi **HENDAKLAH** dijadikan agenda tetap di dalam mesyuarat pengurusan tertinggi di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ);
- b. Penyelaras Perancangan Strategik/Pegawai yang dilantik untuk menjalankan fungsi Perancangan Strategik **HENDAKLAH** membentangkan analisa pencapaian petunjuk prestasi kepada semua ahli mesyuarat pengurusan tertinggi di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ);
- c. Pengerusi mesyuarat pengurusan tertinggi di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) **HENDAKLAH** menamakan Penyelaras Perancangan Strategik/Pegawai yang dilantik untuk menjalankan fungsi Perancangan Strategik di Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebagai ahli turut hadir di dalam mesyuarat pengurusan tertinggi di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ);
- d. Pengerusi mesyuarat pengurusan tertinggi di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) **HENDAKLAH** memastikan Penyelaras Perancangan Strategik/Pegawai yang dilantik untuk menjalankan fungsi Perancangan Strategik di Pusat Tanggungjawab (PTJ) membentangkan pelaporan dan hasil analisa pencapaian petunjuk prestasi di dalam mesyuarat pengurusan tertinggi Pusat Tanggungjawab (PTJ); dan
- e. Setiausaha mesyuarat pengurusan tertinggi di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) **HENDAKLAH** menghantar minit mesyuarat pengurusan tertinggi di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkaitan pelaporan analisa pencapaian petunjuk prestasi kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)/Ketua Perancangan Strategik setiap bulan atau berdasarkan kepada bilangan/kekerapan mesyuarat pengurusan tertinggi yang diadakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ);

5. TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 09 Oktober 2018.

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 09 Oktober 2018.



PROFESOR EMERITUS DATO' DR HASSAN SAID

Naib Canselor

Dikelilingkan kepada:

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-CSPI(PT.6/7/2)
No Siri : 100-UITM (NC 6/2)*